

03 JUL 2001

Rakan Muda-SEA

RAKAN MUDA SEDIA TERBANGKAN PESAWAT ZODIAC PROMOSI SUKAN SEA

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Misi "Asean Voyage of Friendship 2001" di bawah program Rakan Muda Rekreasi Udara bagi mempromosikan Sukan SEA XXI-Kuala Lumpur 2001 dan sambutan Bulan Kemerdekaan berjalan mengikut jadual, kata Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Datuk Mahamad Zabri Min.

Katanya melalui misi itu, antara 12 hingga 15 orang juruterbang muda akan dipilih menerbangkan dua pesawat eksperimen ke sembilan buah negara anggota Asean dengan membawa wakil khas KBS bagi menyampaikan jemputan ke temasya Sukan 2001 SEA di Kuala Lumpur pada 8 hingga 17 Sept depan.

Misi penerbangan yang menggunakan pesawat eksperimen Zodiac CH601 HD-9M akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Julai depan, dan akan melakukan penerbangan ke destinasi pertama, Brunei.

Destinasi terakhir misi penerbangan itu ialah Bangkok, Thailand.

"Ini adalah kali pertama jemputan dibuat seperti itu," katanya kepada pemberita selepas melawat Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang dekat sini hari ini.

Mahamad Zabri berkata kesemua negara anggota Asean telah dimaklumkan mengenai penerbangan "Asean Voyage of Friendship 2001" dan mereka memberikan respon yang baik.

Fakulti Kejuruteraan UPM menjadi pusat bagi melakukan kerja-kerja pemasangan pesawat eksperimen itu oleh kira-kira 40 orang belia yang menyertai program itu.

Menurut Zabri selain fakulti itu, mereka juga sedang mengikuti latihan peringkat "ground school" di Kelab Rakan Muda dan Rekreasi KBS.

Katanya, misi tersebut juga memberi peluang kepada golongan belia mengetahui dan mempelajari ilmu berkaitan industri penerbangan.

Selain itu, Mahamad Zabri berkata program Rakan Muda Rekreasi Udara itu juga membuka peluang kepada golongan belia untuk mengeratkan semangat setiakawan dan hubungan antara negara.

-- BERNAMA

FA HS MOZ